

RISALAH PROMOSI PENGAMBILAN PENGAMAL PT&K

Nota: Risalah ini boleh dicetak dalam saiz A5 untuk tujuan edaran.



PENGAMBILAN PENGAMAL BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL (PTP)



- ❖ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam usaha untuk menawarkan perkhidmatan PT&K PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer. Ini bertujuan untuk meningkatkan akses perkhidmatan PT&K kepada rakyat dengan memberikan **Perkhidmatan PTP secara terus ke rumah pelanggan.**
- ❖ Sehubungan itu, KKM menyeru kepada mana-mana pengamal PT&K yang berminat supaya berganding bahu secara **SUKARELA** dalam menjayakan perkhidmatan ini agar perkhidmatan PTP yang berkualiti dan selamat dapat diberikan kepada rakyat.

Apakah Tugas Pengamal PTP?

- ✓ Menyediakan maklumat mengenai pakej perkhidmatan dan harga yang ditawarkan serta menjalankan perkhidmatan mengikut pakej yang telah dipersetujui oleh pelanggan.
- ✓ Bertanggungjawab mengatur jadual perkhidmatan mengikut kesesuaian pelanggan.
- ✓ Menerima bayaran dan menyediakan bukti pembayaran bagi sesi rawatan yang diberikan di rumah pelanggan.
- ✓ Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pihak KKM.
- ✓ Melaporkan sebarang kontraindikasi, kejadian akut atau *adverse event* yang dialami oleh pelanggan kepada Jururawat yang bertanggungjawab di klinik kesihatan untuk dirujuk ke klinik kesihatan/ hospital; dan
- ✓ Menjalani sesi latihan/ kursus/ bengkel/ seminar yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Apakah Kriteria Pengambilan Pengamal PTP Bawah Perkhidmatan Ini?

- ✓ **Semasa tempoh peralihan* pendaftaran pengamal** di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775): Mempunyai kelayakan yang ditetapkan oleh Majlis PT&K, iaitu **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4: Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare**; ATAU Mempunyai pengalaman bekerja dalam perkhidmatan PTP **sekurang-kurangnya 10 tahun** yang telah disahkan oleh:
 - Ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga/ ketua rumah panjang tempat pengamal bermastautin; ATAU
 - Majikan tempat pengamal bekerja; ATAU
 - Pengetua atau pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan; ATAU
 - Pengerusi badan pengamal yang ditetapkan bagi Perubatan Tradisional Melayu.
- ✓ **Selepas tamat tempoh peralihan* pendaftaran pengamal** di bawah Akta PT&K 2016 (Akta 775): Merupakan pengamal PT&K (Perubatan Tradisional Melayu - Penjagaan Postnatal) yang berdaftar dengan Majlis PT&K.

*tempoh peralihan: sehingga 29 Februari 2024.

Jika berminat, anda boleh mengisi borang permohonan ini dan hantarkan kepada Jururawat Kesihatan/ Jururawat Masyarakat di klinik kesihatan yang berdekatan:

Nama: _____ No. KP: _____

Alamat: _____

*Pengalaman bekerja dalam perkhidmatan PTP: _____ tahun

No. telefon untuk dihubungi (Rumah/ Telefon bimbit/ Pejabat): _____

(*Sila lampirkan salinan Sijil DKM 4: Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare; ATAU surat bukti pengalaman mengikut contoh format surat bukti pengalaman)

Contoh Format Surat Bukti Pengalaman

Kepada:
(Alamat Klinik)

Tarikh:

Tuan/ Puan,

SURAT SOKONGAN PENGAMAL UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL (PTP) DI PERINGKAT PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa _____ dengan No. Kad Pengenalan _____ mempunyai pengalaman dalam bidang PTP selama ____ tahun.

3. Dengan ini, saya mengakui bahawa pengalaman beliau adalah benar dan memberikan sokongan untuk beliau bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memberikan perkhidmatan PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Nama:
Jawatan:
Cop Rasmi:

Nota: Dicitak dan diedar bersama risalah (Lampiran B Pin.1/2021)